

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT MANFAAT WIFI DALAM PENERBANGAN KAD KREDIT CIMB
PREMIER VISA

Versi: 1 SEPTEMBER 2024

1. (a) Manfaat WiFi dalam penerbangan yang diberikan bersama oleh CIMB Bank Berhad [197201001799(13491-P)] (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)] (“**CIMB Islamic**”) (CIMB Bank dan CIMB Islamic secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) untuk Kad Kredit CIMB Preferred Visa Infinite, CIMB Preferred Visa Infinite-i, CIMB Visa Infinite dan CIMB Visa Signature yang dikeluarkan oleh CIMB Bank atau CIMB Islamic hendaklah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dinyatakan di bawah.
- (b) Semua Pemegang Kad Kredit CIMB Preferred Visa Infinite, CIMB Preferred Visa Infinite-i, CIMB Visa Infinite dan CIMB Visa Signature hendaklah terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat di sini dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Program Ganjaran Ahli CIMB. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua istilah dan frasa yang digunakan dalam terma-terma dan syarat-syarat ini hendaklah, melainkan ditakrifkan sebaliknya secara nyata atau melainkan konteks menghendaki sebaliknya, mempunyai makna seperti yang diberikan kepada mereka dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kad Kredit CIMB dan/atau Terma-Terma dan Syarat-Syarat Program Ganjaran Ahli.
2. Manfaat WiFi dalam penerbangan (seperti yang ditakrif di bawah Klausa 3) terpakai kepada Pemegang Kad Utama CIMB Preferred Visa Infinite, CIMB Preferred Visa Infinite-i, CIMB Visa Infinite dan CIMB Visa Signature sahaja (“**Pemegang Kad Layak**”).
3. Pemegang Kad Layak berhak kepada Pulangan Tunai untuk pembelian perkhidmatan WiFi Dalam Penerbangan (“**Perbelanjaan WiFi**”) di atas pesawat Syarikat Penerbangan berikut (“**Manfaat WiFi Dalam Penerbangan**”) dan pembayaran mesti dilakukan dengan Kad Kredit CIMB Preferred Visa Infinite, CIMB Preferred Visa Infinite-i, CIMB Visa Infinite atau CIMB Visa Signature (“**Kad Layak**”) dan Perbelanjaan WiFi bukan transaksi berulang seperti transaksi di bawah Perkhidmatan Autobill:

No	Syarikat Penerbangan	Kod Kategori Pedagang (MCC) untuk WiFi Dalam Penerbangan
1	Air Asia	4814
2	Etihad Airlines	4816
3	Eva Air	4816
4	Malaysian Airlines	4816
5	Qatar Airways	4814 & 4816
6	Scoot Airlines	4816
7	Singapore Airlines	4816
8	Japan Airlines	4816
9	Emirates Airline	4816
10	Turkish Airlines	4814
11	All Nippon Airways (ANA)	4816
12	American Airlines	4816
13	Biman Bangladesh Airlines	4816
14	Aer Lingus	4816
15	China Airlines	4816
16	Southwest Airlines	4816
17	Swiss Air	4816
18	Tap Air	4816
19	Virgin Atlantic Airways	4816

4. Setiap Pemegang Kad Layak berhak kepada Pulangan Tunai berikut berdasarkan jumlah transaksi yang dicatat bagi Perbelanjaan WiFi pada setiap tarikh penyata kad kredit (“**Pulangan Tunai**”):

WiFi Dalam Penerbangan	CIMB Preferred Visa Infinite	CIMB Visa Infinite	CIMB Visa Signature
------------------------	------------------------------	--------------------	---------------------

	CIMB Preferred Visa Infinite-i		
Dihadkan bagi setiap Pemegang Kad Utama setiap Tarikh Penyata	Pulangan Tunai sehingga RM80	Pulangan Tunai sehingga RM50	Pulangan Tunai sehingga RM30

5. Bagi tujuan pengiraan Pulangan Tunai, perbelanjaan mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia (RM) dan hendaklah berdasarkan rekod transaksi Bank sahaja. Penukaran mata wang asing tersebut ditentukan oleh Mastercard International atau VISA International.
6. Klasifikasi MCC layak dan/atau penentuan Perbelanjaan WiFi Pemegang Kad Layak untuk Pulangan Tunai adalah tanggungjawab bank pemeroleh Syarikat Penerbangan masing-masing. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang klasifikasi MCC layak dan/atau penentuan Perbelanjaan WiFi Pemegang Kad Layak berhubung dengan transaksi berkaitan tidak tepat yang mungkin mengakibatkan Pulangan Tunai untuk Perbelanjaan WiFi tidak dicatatkan. Pemegang Kad Layak tidak akan melakukan sebarang tuntutan untuk pampasan terhadap Bank bagi Pulangan Tunai yang tidak dicatatkan disebabkan klasifikasi yang salah oleh bank pemeroleh Syarikat Penerbangan masing-masing.
7. Kelayakan Pulangan Tunai yang timbul daripada Perbelanjaan WiFi dalam penerbangan, jika ada, oleh Pemegang Kad Layak untuk setiap bulan semasa akan dikira sehingga tarikh penyata bulanan kad kredit pada bulan semasa, dan akan dipaparkan ke akaun Pemegang Kad Utama dalam penyata kad kredit bulan berikutnya. Jika sebarang transaksi Perbelanjaan WiFi dipertikaikan atau didakwa/disyaki sebagai penipuan, kelayakan Pulangan Tunai pada transaksi Perbelanjaan WiFi tersebut boleh dibalikkan atau dibatalkan oleh Bank.
8. Kelayakan Pulangan Tunai Pemegang Kad Layak, jika ada, untuk setiap bulan semasa akan dilucutkan dan tidak dicatatkan ke akaun Kad Layak Pemegang Kad Layak pada tarikh penyata kad kredit bulan berikutnya jika bayaran minimum perlu dibayar sebelum tarikh akhir dinyatakan dalam penyata kad kredit bulan semasa tidak dibayar sepenuhnya.

Terma-Terma & Syarat-Syarat Am

9. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi sebarang representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi atau pengiklanan lain yang diterbitkan atau dikeluarkan berhubung dengan Manfaat WiFi Dalam Penerbangan.
10. Bank tidak menanggung liabiliti atau tanggungjawab untuk sebarang tindakan, peninggalan, keingkaran atau kecacatan dalam perkhidmatan yang ditawarkan oleh Syarikat Penerbangan masing-masing dan tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kecederaan, kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung akibat secara langsung atau tidak langsung daripada penebusan atau penggunaan WiFi Dalam Penerbangan yang disediakan oleh Syarikat Penerbangan masing-masing dan/atau pihak yang berkaitan dengan WiFi Dalam Penerbangan. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk menangani dan menyelesaikan sebarang tuntutan, aduan atau pertikaian apa jua Pemegang Kad dan sebarang pertikaian mesti diselesaikan secara langsung dengan Syarikat Penerbangan masing-masing sedemikian.
11. WiFi Dalam Penerbangan disediakan oleh Syarikat Penerbangan masing-masing tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat seperti yang ditentukan oleh Syarikat Penerbangan dan/atau pihak yang berkaitan. Bank tidak membuat representasi atau waranti untuk produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak tersebut dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) berkaitan dengan WiFi Dalam Penerbangan. Manfaat WiFi Dalam Penerbangan yang diberikan kepada Pemegang Kad Layak tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai dan/atau kredit dalam apa jua bentuk.
12. Bank berhak untuk membatalkan kelayakan Pemegang Kad Layak daripada Pulangan Tunai dan/atau Manfaat WiFi Dalam Penerbangan di mana Pulangan Tunai akan dibatalkan dan/atau dibalikkan jika:
 - (a) Pemegang Kad Layak melanggar mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kad Kredit CIMB dan/atau Terma-Terma dan Syarat-Syarat Program Ganjaran Ahli; dan

- (b) Pemegang Kad Layak tidak lagi memegang Kad Layak yang sah dan/atau Bank atau Pemegang Kad Layak telah menamatkan Kad Layak Pemegang Kad Layak.
13. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan, untuk penyelesaian pertikaian; Pemegang Kad Layak bersetuju untuk terserah kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia.
14. Bank boleh mengubah (sama ada dengan menambah, memadam daripada atau sebaliknya meminda) ("Pindaan") mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini dengan memberikan kepada Pemegang Kad Layak sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Pindaan berkuat kuasa. Notis Pindaan boleh diberikan dengan cara yang sama sebagaimana notis pindaan diberikan di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad.
15. Pemegang Kad Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan Bank ("CRU") bagi sebarang maklum balas dan/atau aduan dengan menghubungi nombor telefon atau alamat berikut (yang mungkin ditukar oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada Pemegang Kad Layak): Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan; No Pusat Panggilan +603 6204 7788, e-mel: contactus@cimb.com.